

# **KAJIAN RINTIS ANALISIS KEPERLUAN TERHADAP PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN PEMAKANAN SEIMBANG TERHADAP KEFAHAMAN DAN SIKAP MURID PRASEKOLAH**

*Pilot Study on The Analysis of The Need for The Development of a Balanced Nutrition  
Teaching Module on The Understanding and Attitude of Preschool Students*

Wan Nur Afni Wan Risad<sup>1</sup>, Intan Farahana Abdul Rani<sup>2\*</sup> &  
Nurfarhana Diana Mohd Nor<sup>3</sup>

Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

p20211002394@siswa.upsi.edu.my, intanfarahana@fpm.upsi.edu.my  
& farhanadiana@fpm.upsi.edu.my

\*Corresponding Author

**Received:** 16 Oktober 2023; **Accepted:** 9 November 2023; **Published:** 22 November 2023

**To cite this article (APA):** Wan Risad, W. N. A., Abdul Rani, I. F., & Mohd Nor, N. D. (2023). Kajian Rintis Analisis Keperluan terhadap Pembangunan Modul Pengajaran Pemakanan Seimbang terhadap Kefahaman dan Sikap Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 12(2)*, 100–113. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.9.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.9.2023>

## **ABSTRAK**

Pengambilan makanan yang sihat perlu dipupuk bermula dari rumah pada peringkat awal kanak-kanak supaya menjadi satu amalan sepanjang hayat. Kajian ini merupakan kajian rintis bagi fasa analisis keperluan berdasarkan Model ADDIE yang digunakan sebagai rujukan model reka bentuk dalam pembangunan modul untuk mengenal pasti keperluan guru prasekolah terhadap pembangunan modul pengajaran dalam membimbing murid prasekolah berkaitan pemakanan seimbang. Data diperolehi melalui kaedah analisis deskriptif yang digunakan untuk menganalisis data kajian yang telah dikumpulkan. Perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) telah digunakan untuk mengira purata dan sisihan piawai bagi setiap item soalan yang terdapat dalam borang soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada 40 orang guru prasekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Instrumen kajian pula terdiri daripada borang soal selidik yang telah diedarkan melalui kaedah Borang *Google*. Dapatan kajian rintis analisis keperluan ini menunjukkan bahawa kebolehppercayaan item soal selidik berada pada tahap Tinggi dan Sangat Tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa item-item soalan dapat difahami dan ditafsirkan oleh guru prasekolah daripada aspek kejelasan bahasa dan bentuk soalan. Guru prasekolah positif dan bersetuju dengan keperluan pembangunan modul dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berkaitan pemakanan seimbang yang memberi kesan terhadap kefahaman dan sikap penerimaan murid prasekolah bagi aspek pemakanan seimbang. Kemahiran guru dalam mengajar murid prasekolah tentang kepentingan pemakanan seimbang juga perlu diberi perhatian. Maka, kajian ini turut mencadangkan agar kajian yang bertemakan pendidikan pemakanan seimbang turut dilaksanakan di prasekolah swasta bagi menghasilkan kajian yang lebih menyeluruh.

**Kata kunci :** Pemakanan seimbang, modul pengajaran, nutrisi, tabiat pemakanan, kanak-kanak dan murid prasekolah

### **ABSTRACT**

*Promoting healthy eating habits should start at home during early childhood to make it a lifelong practice. This study is a preliminary study for the needs analysis phase based on the ADDIE Model, which is used as a reference design model in module development to identify the needs of pre-school teachers for the development of teaching modules to guide pre-school students in balanced nutrition. Data was obtained through a descriptive analysis method used to analyze the collected study data. The Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software was used to calculate the means and standard deviations for each questionnaire item. The study sample consisted of 40 pre-school teachers in the Federal Territory of Kuala Lumpur. The research instrument consisted of a questionnaire distributed through Google Forms. The findings of this preliminary needs analysis study show that the reliability of the questionnaire items is at a high and very high level. This indicates that the questionnaire items can be understood and interpreted by pre-school teachers in terms of language clarity and question format. Pre-school teachers are positive and agree with the need for module development in implementing teaching and learning related to balanced nutrition, which affects the understanding and acceptance attitudes of pre-school students regarding balanced nutrition. Teachers' skills in teaching pre-school students about the importance of balanced nutrition also need to be emphasized. Therefore, this study also suggests that research on balanced nutrition education should be conducted in private pre-schools to produce a more comprehensive study.*

**Keywords:** *Balanced nutrition, teaching modules, nutrition, eating habits, children and preschool students*

### **PENGENALAN**

Pemakanan memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan kesihatan dan mencegah penyakit. Seiring dengan perkembangan fizikal seseorang, keperluan untuk pemakanan juga meningkat dan makanan yang diambil hendaklah terdiri daripada pelbagai jenis makanan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan harian. Pemakanan seimbang merupakan tabiat memilih makanan yang merangkumi pelbagai jenis kumpulan makanan dalam jumlah bersesuaian untuk keperluan pelbagai fungsi penting tubuh. Tabiat pemakanan seimbang di Malaysia adalah berpandukan Piramid Makanan Malaysia melalui kombinasi seimbang terhadap pemakanan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

Keperluan pemakanan dalam kalangan kanak-kanak berumur enam hingga dua belas tahun adalah penting. Kanak-kanak yang mendapat zat makanan dalam persekitaran yang baik berpeluang mencapai tumbesaran yang optimum. Pemilihan dan amalan pengambilan makanan sihat perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak supaya dapat mengurangkan tabiat makanan yang tidak sihat. Hal ini kerana kanak-kanak mudah dibimbing dan dibentuk serta mengalami perkembangan tumbesaran yang pesat sama ada secara fizikal ataupun mental. Seiring dengan perkembangan dan tumbesaran, kanak-kanak, cenderung untuk memilih makanan yang disukai atau tidak disukai yang menjadi penyumbang kepada pengambilan makanan yang seimbang Berdasarkan laporan Southeast Asia Nutrition Surveys II (SEANUTS II) (2022), kepelbagaian diet diperlukan untuk memastikan kanak-kanak menerima semua nutrien yang diperlukan, mengurangkan risiko kekurangan zat makanan, termasuk kekurangan mikro nutrien dan mewujudkan tabiat pemakanan yang baik secara berterusan. Kanak-kanak yang berlebihan berat badan lebih berisiko mendapat penyakit jantung, diabetes, dan lain-lain penyakit kronik.

Di Malaysia, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (2017) diperkenalkan bagi melahirkan insan yang seimbang dan berinovatif. Kurikulum ini telah menggariskan enam tunjang dalam kerangka kurikulumnya iaitu komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika, serta sains dan teknologi. Kurikulum ini merupakan dokumen rujukan yang wajib digunakan di semua tadika dan prasekolah kerajaan atau swasta (Ghani & Nor, 2020). Kurikulum ini dirancang bagi memberikan keseronokan yang bermakna secara holistik kepada kanak-kanak mengikut kemahiran-kemahiran asas yang diguna pakai dalam pendidikan sepanjang hayat. Penekanan dalam Tunjang Fizikal dan Penjagaan Kesihatan mengenai kesedaran kesihatan diberi perhatian pada peringkat awal lagi supaya menjadi amalan dalam kehidupan seharian murid prasekolah (Mahmood et al., 2022).

## **LATAR BELAKANG**

Pemakanan seimbang juga membantu menjaga kesihatan secara menyeluruh dan membekalkan tenaga yang mencukupi kepada tubuh. Sewajarnya, pengambilan makanan seimbang hendaklah bermula daripada peringkat awal kanak-kanak kerana tempoh pertumbuhan yang pesat pada peringkat kanak-kanak dapat membentuk tabiat pemakanan melalui tingkah laku. Selain itu, kanak-kanak belajar tentang makanan yang mereka suka ataupun tidak suka melalui sentuhan, rasa, perasaan, penglihatan, bau dan persekitaran yang diperhatikan. Ramai yang belum menyedari bahawa kepentingan pengambilan makanan berkhasiat terhadap kanak-kanak, remaja orang dewasa dapat memastikan kesihatan yang baik. Tambahan pula, pemakanan yang tidak seimbang boleh menyebabkan pelbagai masalah kesihatan seperti malnutrisi, obesiti, kurang berat badan dan penyakit kronik (World Health Organization, 2021).

Lazimnya, pelbagai faktor yang menyumbang kepada amalan pemakanan tidak seimbang dalam kalangan masyarakat. Antaranya, faktor persekitaran dan gaya hidup yang merupakan punca dalam peningkatan masalah obesiti di seluruh dunia. Pada tahun 2021, *World Health Organization* (2021) telah melaporkan bahawa kira-kira 45 peratus daripada kematian di kalangan kanak-kanak bawah umur 5 tahun berkaitan dengan kekurangan zat makanan. Manakala, golongan muda termasuk kanak-kanak yang mengalami lebih berat badan dan obesiti didapati semakin meningkat iaitu daripada 4.00 peratus kepada 22.00 peratus.

Seterusnya, berdasarkan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) (2022) mendapati bahawa kanak-kanak di Malaysia menghadapi masalah bantut (21.20%), terlalu kurus (11.00%), kurang berat badan (15.30%) dan lebih berat badan (6.00%). Bahkan, laporan daripada UNICEF/World Health Organization dan World Bank Group pada tahun 2023 juga menunjukkan bahawa kanak-kanak di seluruh dunia mengalami masalah bantut iaitu sebanyak 22.30 peratus dan lebih berat badan sebanyak 5.60 peratus (UNICEF et al., 2023). Malah, di Malaysia, peratus kanak-kanak yang mengalami masalah bantut dilaporkan sebanyak 21.90 peratus dan sebanyak 5.70 peratus kanak-kanak mengalami masalah lebih berat badan.

Selanjutnya, beberapa faktor yang menyumbang kepada masalah malnutrisi kanak-kanak ialah kemiskinan, penjagaan kesihatan yang kurang diberi perhatian dan status pemakanan dalam keluarga (Katoch, 2022). Oleh sebab itu, walaupun terdapat peningkatan enrolmen murid

di sekolah rendah di negara membangun, masalah kelaparan pada jangka pendek dan kekurangan zat makanan terus memberi kesan negatif terhadap kehadiran murid ke sekolah, seterusnya memberi kesan ekonomi di kawasan luar bandar (Elolu & Ongeng, (2020).

Jelaslah bahawa, pengambilan makanan yang betul dan gaya hidup sihat sejak kecil sangat penting bagi menyokong tumbesaran dan perkembangan murid prasekolah supaya mereka membesar menjadi dewasa yang sihat pada masa akan datang. Peringkat prasekolah merupakan platform asas untuk murid belajar dan melakukan pelbagai aktiviti. Hal ini kerana fasa ini adalah sesuai untuk membina pengetahuan dan kefahaman serta membentuk tabiat pemakanan. Oleh yang demikian, semua pihak bertanggungjawab memastikan kanak-kanak mendapat nutrisi yang mencukupi dalam pemakanan.

## **PENYATAAN MASALAH**

Pengambilan makanan yang pelbagai dan seimbang dapat memberikan tenaga serta zat makanan yang berbeza. Ia dapat membantu menjaga kesihatan dan membantu tubuh mendapatkan tenaga yang mencukupi untuk fungsi harian. Pengambilan makanan seimbang perlu bermula daripada peringkat awal kanak-kanak bagi memastikan tubuh badan berfungsi secara normal. Malnutrisi merupakan masalah kesihatan awam secara global yang berkaitan dengan kos penjagaan kesihatan yang tinggi serta peningkatan terhadap morbiditi dan mortaliti (Isanaka et al., 2019). Masalah pemakanan semasa kanak-kanak boleh menghasilkan kesan jangka panjang yang tidak dapat dipulihkan seperti gangguan dalam pertumbuhan fizikal dan mempengaruhi perkembangan kognitif (Mkhize & Sibanda, 2020).

Merujuk kepada Laporan Tahunan Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (2021) yang mendapati bahawa Malaysia kini sedang berhadapan dengan masalah beban berganda berkaitan malpemakanan (*double burden of malnutrition*) iaitu masalah kekurangan pemakanan terutamanya masalah bantut dan susut dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur lima tahun serta masalah obesiti dan penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan turut wujud pada masa yang sama. Peratus kanak-kanak yang mengalami masalah kekurangan berat badan pada aras sederhana dan teruk iaitu sebanyak 1.5 peratus. Selain itu, peratus kanak-kanak dengan masalah bantut pula sebanyak 1.4 peratus dan kanak-kanak yang menghadapi masalah susut berat badan pula sebanyak 1.0 peratus. Manakala, peratus kanak-kanak dengan masalah berlebihan berat badan juga dilaporkan sebanyak 0.3 peratus.

Laporan SEANUTS II (2022) mendapati bahawa satu daripada tujuh orang kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah bantut yang memberi risiko terhadap perkembangan tumbesaran dan prestasi pembelajaran di sekolah. Manakala, sebanyak 30 hingga 32 peratus kanak-kanak di Malaysia turut mengalami masalah berat badan berlebihan atau obesiti. Masalah obesiti semasa kanak-kanak memberi peluang yang lebih tinggi untuk mereka mengalami obesiti semasa dewasa kelak (Southeast Asia Nutrition Surveys II, 2022). Oleh yang demikian, melalui Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2.0, Kementerian Kesihatan Malaysia telah merangka 13 strategi yang signifikan di dalam Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM) III 2016-2025 untuk mengurangkan beban berganda tentang masalah

pemakanan masyarakat melalui sistem makanan yang mampan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2016).

Selain daripada aspek pemilihan makanan di kalangan murid, keperluan pengajaran guru juga perlu diberi perhatian. Aspek pengetahuan dan kemahiran guru yang merupakan isu pengajaran turut mempengaruhi pelaksanaan pengajaran yang efektif (Ali et. al, 2018). Oleh itu, pengambilan makanan seimbang oleh murid prasekolah tidak boleh diabaikan dan harus diberikan perhatian yang serius dalam pengajaran oleh guru prasekolah. Daripada konteks pendidikan pemakanan pula, keberkesanan amalan pemakanan terhadap tingkah laku, kognitif dan kesihatan kanak-kanak didapati masih terhad yang memberi kesan kepada amalan pemakanan seimbang (Yee et al., 2019).

Jelaslah bahawa, kajian yang akan dijalankan ini memerlukan murid prasekolah mempunyai inisiatif untuk membina kefahaman dan kesedaran dalam merubah sikap pemakanan mereka ke arah amalan pemakanan secara seimbang. Hal ini demikian kerana murid prasekolah yang mempunyai pengetahuan yang baik dan positif terhadap pemakanan mampu menerapkan kuantiti nutrisi yang mencukupi dalam pemilihan makanan mereka. Kesedaran tentang pemakanan seimbang yang diperkenalkan pada peringkat awal kanak-kanak merupakan alat yang dapat membantu dalam membina tabiat pemakanan seimbang melalui corak pemakanan yang sihat (Ormanci et. al, 2022).

## **OBJEKTIF**

Kajian ini bertujuan untuk melaksanakan kajian rintis analisis keperluan pembangunan modul pengajaran pemakanan seimbang untuk murid prasekolah.

## **METODOLOGI**

Pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan kaedah kajian secara kuantitatif bagi mengenal pasti keperluan pembangunan modul pengajaran. Model ADDIE Branch (2009) digunakan sebagai rujukan model reka bentuk dalam pembangunan modul kajian ini. ADDIE merupakan akronim kepada lima fasa iaitu Analisis (*Analyze*), Reka bentuk (*Design*), Pembangunan (*Development*), Pelaksanaan atau Implementasi (*Implementation*) dan Penilaian (*Evaluate*). Walau bagaimanapun, kajian ini memfokuskan hanya satu fasa sahaja iaitu fasa Analisis (*Analyze*).

Dalam konteks kajian ini, pelaksanaan kajian rintis bagi fasa analisis keperluan dilaksanakan untuk mengenal pasti masalah, memperoleh maklumat tentang perincian dan spesifikasi modul daripada guru. Oleh yang demikian, sebelum modul dibangunkan, kajian rintis analisis keperluan dilakukan untuk mengetahui kebarangkalian berlakunya permasalahan dan menyelesaikan masalah dalam ruang lingkup yang lebih spesifik. Dapatan dan cadangan dalam kajian rintis analisis keperluan ini digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian serta mengenal pasti sejauh mana item soalan yang dinyatakan dapat difahami dan ditafsirkan dengan betul oleh sampel kajian sebelum digunakan dalam kajian sebenar.

Instrumen soal selidik merupakan instrumen yang dibina oleh pengkaji sendiri dan diadaptasi daripada pengkaji lain iaitu Wilson et al. (2013). Instrumen ini mengandungi tiga bahagian. Bahagian pertama mengandungi lapan item berkaitan demografi responden yang merangkumi jantina, pengalaman mengajar dan status pendidikan. Bahagian seterusnya pula merupakan dua konstruk yang ingin dinilai iaitu pembinaan modul berasaskan cabaran daripada aspek keperluan, isi kandungan, aktiviti dan bahan yang diperlukan dalam modul serta pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berkaitan pemakanan seimbang. Responden kajian terdiri daripada 40 orang guru prasekolah yang dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan berdasarkan kriteria iaitu guru yang melaksanakan KSPK di sekolah. Kajian ini dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu responden diberikan borang soal selidik melalui aplikasi Borang Google (*Google Form*) (Adelia et al., 2021).

## DAPATAN KAJIAN

Pendidikan pemakanan khususnya pemakanan seimbang perlu disediakan bagi meningkatkan tahap kefahaman dan sikap positif murid prasekolah terhadap pemakanan seimbang. Menerusi pelaksanaan kajian rintis analisis keperluan yang telah dijalankan, beberapa elemen yang signifikan dapat dikenal pasti melalui edaran soal selidik kepada guru prasekolah. Data bagi instrumen soal selidik ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) Versi 27.0. Bacaan skor min item soal selidik dianalisis berdasarkan Fernandes (2017) seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Kategori Purata Skor Min (Fernandes, 2017)

Skor Min	Tahap
$< 1.5$	Sangat Rendah
$1.5 \leq 2.5$	Rendah
$2.5 \leq 3.5$	Sederhana
$3.5 \leq 4.5$	Tinggi
$>4.5$	Sangat Tinggi

Melalui kajian ini, ujian nilai kebolehpercayaan dilaksanakan melalui maklum balas yang diberi oleh responden. Hal ini kerana kebolehpercayaan merupakan alat kajian yang menguji ketekalan pernyataan item yang tepat, mewujudkan keseragaman pada setiap item dan arahan setiap item dengan jelas. Oleh itu, pengkaji menetapkan aras nilai koefisien *Cronbach' Alpha* ( $\alpha$ ) yang melebihi 0.61 sahaja boleh diterima berdasarkan Konting (2009) seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Pekali Cronbach' Alpha (Konting, 2009)

<b>Nilai Cronbach' Alpha</b>	<b>Interpretasi</b>
0.91-1.00	Cemerlang
0.81-0.90	Baik
0.71-0.80	Baik dan boleh diterima
0.61-0.70	Boleh diterima
0.01-0.60	Tidak boleh diterima

Analisis deskriptif bagi kajian ini melibatkan penggunaan min, sisihan piawai dan nilai pekali *Cronbach Alpha*. Berdasarkan hasil dapatan di bawah, nilai skor min bagi keperluan modul pemakanan seimbang kepada guru prasekolah berada pada tahap Sangat Tinggi iaitu 4.68, sisihan piawai mendapat nilai 0.31 dan nilai pekali *Cronbach' Alpha* sebanyak 0.85. Manakala, nilai skor min bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah berkaitan pemakanan seimbang berada pada tahap Tinggi iaitu 4.36, sisihan piawai memperoleh nilai 0.24 dan nilai pekali *Cronbach' Alpha* pada nilai 0.82. Secara keseluruhan, Nilai Pekali *Cronbach' Alpha* bagi setiap item adalah melepasi nilai koefisien *Cronbach' Alpha* yang diterima iaitu 0.70 (Nunnaly, 1978). Rumusan maklumat dinyatakan seperti dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Tahap Keperluan Pembangunan Modul dan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah

<b>Pembolehkan</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Nilai Pekali Cronbach' Alpha</b>
Keperluan Pembangunan Modul Pengajaran Pemakanan Seimbang	4.68	0.31	0.85
Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pemakanan Seimbang	4.36	0.24	0.82



**Jadual 4** Tahap Keperluan Pembangunan Modul

Item	Kekerapan dan Peratus				
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Modul pengajaran diperlukan sebagai panduan kepada guru bagi melaksanakan pengajaran berkaitan pemakanan seimbang diperlukan.	-	-	-	10 (24.4%)	30 (73.2%)
Modul pengajaran dapat membantu guru meningkatkan kefahaman murid prasekolah tentang pemakanan seimbang.	-	-	-	16 (39.0%)	24 (58.5%)
Modul pengajaran dapat membantu guru membentuk sikap penerimaan murid prasekolah terhadap pemakanan seimbang.	-	-	-	19 (46.3%)	21 (51.2%)
Modul pengajaran perlu untuk guru melaksanakan pengajaran dengan lebih berkesan.	-	-	-	11 (26.8%)	29 (70.7%)
Modul pengajaran perlu mengandungi objektif pembelajaran yang hendak dicapai supaya dapat membantu guru merancang PdP yang terancang.	-	-	-	17 (41.5%)	23 (56.1%)
Modul pengajaran mengandungi langkah pengajaran dan pembelajaran yang tersusun berdasarkan topik yang sesuai berkaitan pemakanan seimbang.	-	-	-	10 (24.4%)	30 (73.2%)
Modul pengajaran perlu mengandungi koleksi bahan pengajaran dan pembelajaran pemakanan seimbang yang sesuai dan relevan.	-	-	-	16 (39.0%)	24 (58.5%)
Modul pengajaran perlu disertakan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kemampuan dan kebolehan murid.	-	-	-	13 (31.7%)	27 (65.9%)
Modul pengajaran mengandungi lembaran kerja murid berdasarkan topik yang dipelajari.	-	-	-	16 (39.0%)	24 (58.5%)
Modul pengajaran mengandungi elemen pentaksiran yang dapat membantu guru mendapat maklum balas terhadap perkembangan dan pencapaian murid.	-	-	-	18 (43.9%)	22 (53.7%)



Jadual 4 menunjukkan bahawa tahap keperluan pembangunan modul pengajaran yang boleh digunakan oleh guru prasekolah bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berkaitan pemakanan seimbang. Hal ini demikian kerana, sebahagian besar responden adalah bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Responden menunjukkan persetujuan dengan hanya memberikan skor pada skala ‘Setuju’ dan ‘Sangat Setuju’. Skor tertinggi yang diperoleh adalah pada item modul pengajaran diperlukan sebagai panduan kepada guru bagi melaksanakan pengajaran berkaitan pemakanan seimbang diperlukan (73.20%). Seterusnya, guru bersetuju sekiranya modul pengajaran mengandungi langkah pengajaran dan pembelajaran yang tersusun berdasarkan topik yang sesuai berkaitan pemakanan seimbang (73.20%). Guru juga berpendapat bahawa modul pengajaran perlu untuk guru melaksanakan pengajaran dengan lebih berkesan (70.70%). Jelaslah bahawa, pembinaan modul dapat memudahkan guru-guru dalam menyampaikan pengajaran dan membantu memotivasikan murid untuk minat belajar (Nordin & Wahab, 2021). Oleh yang demikian, murid lebih memberi perhatian dan fokus terhadap pembelajaran (Abdullah et al., 2021).

**Jadual 5** Tahap Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pemakanan Seimbang

Item	Kekerapan dan Peratus				
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Guru kurang kemahiran mengajar murid prasekolah tentang kepentingan pemakanan seimbang.	-	-	-	11 (26.8%)	29 (70.7%)
Guru kurang mahir mempelbagaikan aktiviti pengajaran tentang pemakanan seimbang.	-	-	10 (24.4%)	13 (31.7%)	17 (41.5%)
Guru sukar menerapkan pelbagai bidang mata pelajaran dalam memupuk kefahaman murid prasekolah tentang makanan seimbang.	-	-	9 (22.0%)	16 (39.0%)	15 (36.6%)
Guru sukar memupuk amalan pemakanan seimbang supaya murid prasekolah mempunyai sikap yang positif.	-	-	-	16 (39.0%)	24 (58.5%)
Guru tidak diberi pendedahan tentang kaedah pengajaran bagi fokus Pemakanan.	-	-	-	16 (39.0%)	24 (58.5%)
Guru tidak dibekalkan dengan bahan pentaksiran bagi mengenal pasti prestasi murid.	-	-	-	11 (26.8%)	29 (70.7%)
Guru tidak dibekalkan bahan bantu mengajar untuk mengajar fokus pemakanan seimbang.	-	-	-	17 (41.5%)	23 (56.1%)
Guru tidak merujuk sumber lain untuk melaksanakan pengajaran tentang	-	-	-	15 (36.6%)	25 (61.0%)

pemakanan seimbang.					
Guru tahu bahawa murid prasekolah perlu diberi pendedahan tentang pengetahuan asas pemakanan seimbang di dalam kelas..	-	-	-	14 (34.1%)	26 (63.4%)
Guru tahu bahawa murid prasekolah faham tentang kesan tidak mengamalkan pemakanan seimbang.	-	-	-	12 (29.3%)	28 (68.3%)
Guru tahu pemakanan yang sihat dapat mempengaruhi tahap perkembangan kanak-kanak.	-	-	-	13 (31.7%)	27 (65.9%)
Guru tahu pendidikan pemakanan adalah penting untuk kesihatan pemakanan kanak-kanak.	-	-	-	11 (26.8%)	29 (70.7%)
Guru tahu pendidikan pemakanan perlu diberi penekanan melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan.	-	-	-	9 (22.0%)	31 (75.6%)

Berdasarkan Jadual 5 di atas, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berkaitan pemakanan seimbang memerlukan guru tahu, mahir dan faham tentang kepentingan penerapan amalan pemakanan seimbang terhadap murid prasekolah. berdasarkan skala yang dinyatakan, guru memberikan respons bagi skala ‘Kurang Setuju’, ‘Setuju’ dan ‘Sangat Setuju’ bagi menjelaskan tentang tahap PdP guru berkaitan pemakanan seimbang. Terdapat tiga item yang menunjukkan peratus tertinggi bagi pernyataan guru tahu pendidikan pemakanan perlu diberi penekanan melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan (75.60%), guru kurang kemahiran mengajar murid prasekolah tentang kepentingan pemakanan seimbang (70.70%) dan guru tahu pendidikan pemakanan adalah penting untuk kesihatan pemakanan kanak-kanak (70.70%). Dapatan ini memberi gambaran bahawa amalan pedagogi guru adalah penting bagi memastikan sesuatu pengajaran dapat disampaikan dengan berkesan serta mencapai objektif pembelajaran.

## **PERBINCANGAN**

Secara keseluruhannya, kajian rintis ini dijalankan bagi melihat kebolehpercayaan instrumen kajian bagi keperluan pembangunan modul pengajaran dalam meningkatkan kefahaman dan sikap penerimaan murid prasekolah terhadap pemakanan seimbang. Berdasarkan hasil kajian rintis, kebolehpercayaan item soal selidik berada pada tahap Tinggi dan Sangat Tinggi. Maka, item-item soalan dapat difahami dan ditafsirkan oleh guru prasekolah daripada aspek kejelasan bahasa dan bentuk soalan. Secara keseluruhan, guru prasekolah positif dan bersetuju dengan keperluan pembangunan modul dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berkaitan pemakanan seimbang. Keperluan modul pengajaran ini akan memberi kesan terhadap kefahaman dan sikap penerimaan murid prasekolah bagi aspek pemakanan seimbang. Malah, guru percaya bahawa pengetahuan adalah penting dalam memupuk amalan pemakanan seimbang bermula di peringkat kanak-kanak. Guru juga percaya bahawa aspek pemakanan yang diajar di kelas prasekolah membantu murid untuk cenderung membina pengetahuan dan pengalaman melalui

aktiviti yang berfokus. Seterusnya, pendidikan pemakanan lebih cenderung berkesan apabila ia memberi tumpuan kepada tingkah laku, meningkatkan motivasi dan memudahkan perubahan tingkah laku dengan menyediakan peluang untuk mempelajari dan mengamalkan kemahiran berkaitan makanan dan pemakanan (Hayes et al. 2018).

Peranan guru dalam melaksanakan pembelajaran berkaitan pemakanan seimbang kepada murid prasekolah adalah sangat penting. Sekiranya guru memahami keperluannya, mereka juga akan tahu bagaimana murid perlu diterapkan dengan pembelajaran tentang pemakanan seimbang. Modul yang dibangunkan perlu mengambil kira masalah yang dihadapi guru dan keperluan sedia ada supaya modul yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan guru. Walau bagaimanapun, hasrat untuk mencapai matlamat bagi perubahan tingkah laku dan matlamat pendidikan yang lain memerlukan kemahiran daripada guru. Oleh itu, guru perlu menguasai kurikulum dan berpengetahuan dalam pendidikan menyampaikan ilmu pengajaran (Contento et al. 1995; Hayes et al. 2018).

Bagi memastikan pengajaran dapat disampaikan dengan berkesan, guru harus mencapai tahap kefahaman yang tinggi menggunakan pelbagai teknik pengajaran secara berkesan untuk memastikan kanak-kanak menerima maklumat yang tepat dan mudah difahami (Mahmudiono et al, 2022). Pengajaran berdasarkan kemahiran dapat meningkatkan penguasaan aspek kefahaman dan kesihatan yang lain seperti kandungan kalori dan jumlah kalori dalam makanan yang diperlukan oleh badan (Arshad & Koh, 2022). Kekurangan maklumat untuk menilai prestasi murid, kekurangan bahan bantu mengajar perlu diatasi bagi memberi kesan kepada pelaksanaan kurikulum secara berkesan. Penggunaan modul pembelajaran sebagai alat bantu mengajar dapat membantu guru dalam menyampaikan pembelajaran dengan menerapkan kaedah belajar sambil bermain.

Justeru itu, dalam konteks kajian ini, pembinaan modul pengajaran merupakan panduan kepada guru dalam merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk kanak-kanak prasekolah bagi membantu meningkatkan pemahaman dan memberi ruang terhadap perubahan sikap penerimaan pemakanan seimbang yang mendorong meningkatkan kualiti kesihatan kanak-kanak. Pembangunan modul ini merupakan salah satu usaha pengkaji bagi mengisi kekurangan bahan prasekolah yang berbentuk inovasi dalam pembelajaran. Tambahan pula, persekitaran pembelajaran turut mempengaruhi minat murid untuk mengikuti sesi pembelajaran. Pelaksanaan aktiviti pembelajaran yang menarik dan penggunaan sumber pendidikan yang pelbagai memberi peluang kepada murid untuk mengadaptasi pengetahuan dalam kehidupan seharian.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Kajian rintis analisis keperluan ini memberi gambaran bahawa guru merupakan medium utama dalam membantu meningkatkan kefahaman dan sikap penerimaan pemakanan seimbang murid prasekolah. Pembangunan modul pengajaran pemakanan seimbang ini merupakan panduan yang boleh digunakan oleh guru prasekolah bagi membina kefahaman dan sikap penerimaan murid prasekolah terhadap pemakanan seimbang. Hal ini menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang paling berkesan untuk membantu guru menyampaikan pembelajaran melalui penyediaan

modul pembelajaran lengkap yang mengandungi aktiviti yang bersesuaian untuk murid prasekolah. Panduan daripada modul membolehkan guru sentiasa bersedia sedia untuk terus mengaplikasikan pengajaran kepada murid di prasekolah. Tambahan pula, bagi merealisasikan matlamat KSPK iaitu untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selaku penggubal kurikulum diharapkan dapat menjadikan modul pengajaran ini sebagai panduan kepada guru prasekolah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi fokus makanan seimbang.

Implikasi daripada kajian ini juga mendapati bahawa pembangunan modul pengajaran masih perlu diberi perhatian dan memerlukan kajian yang lebih mendalam mengenainya. Pengkaji akan datang diharapkan dapat menjadikan kajian ini sebagai panduan untuk melaksanakan kajian lanjutan dengan menggunakan lebih ramai responden melibatkan kawasan kajian yang lebih meluas untuk mengetahui tahap keperluan pembangunan modul pengajaran di peringkat prasekolah dengan lebih tepat dan jelas. Selain itu, bagi memastikan semua murid yang berumur empat hingga enam tahun berpengetahuan dan mengaplikasikan amalan pemakanan seimbang, diharapkan agar kajian lanjutan yang bertemakan pendidikan pemakanan seimbang turut dilaksanakan di prasekolah swasta bagi menghasilkan kajian yang lebih menyeluruh. Dapatan kajian ini diharap dapat digeneralisasikan kepada semua prasekolah KPM dan swasta.

## **KESIMPULAN**

Kajian rintis analisis keperluan memerlukan pengkaji melakukan pengumpulan maklumat tentang konteks dan situasi kajian daripada guru yang juga merupakan pengguna sasaran modul. Dalam kajian ini, pengkaji mengumpulkan maklumat tentang amalan sedia ada guru dan keperluan guru supaya maklumat yang diperolehi dapat membantu pengkaji menghasilkan modul yang berupaya menyelesaikan masalah sedia ada guru. Hasil pelaksanaan kajian rintis analisis keperluan mendapati bahawa keperluan pembangunan modul pengajaran adalah untuk membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berkaitan pemakanan seimbang dengan lebih berkesan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru bersetuju dengan keperluan modul pengajaran sebagai alat bantu mengajar dalam memberi pendedahan kepada kanak-kanak prasekolah tentang pemakanan seimbang melalui penyediaan makanan sihat. Melalui kajian rintis analisis keperluan ini, ia memberi gambaran bahawa guru-guru merupakan medium utama yang dapat membantu membina amalan pemakanan seimbang dalam diri kanak-kanak di peringkat prasekolah.

Dapatan kajian rintis analisis keperluan ini akan digunakan oleh pengkaji sebagai panduan untuk melaksanakan penambahbaikan, seterusnya mereka bentuk dan membangunkan modul dalam fasa pembangunan modul yang seterusnya. Berdasarkan dapatan ini, modul pengajaran berkaitan pemakanan seimbang berpotensi dibangunkan untuk digunakan oleh guru prasekolah bagi memastikan matlamat KSPK dicapai untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu terutama bagi fokus pemakanan.

## RUJUKAN

- Abdullah, M., Nor M. M., & Hutagalung, F. D. (2021). Pendekatan Pengajaran Bermain di Bilik Darjah dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Journal of Educational Research*, 39, 64–74.
- Adelia, A., Miftahurrahmah, M., Nurpathonah, N., Zaindanu, Y., & Ihsan, M. T. (2021). The Role of Google Form as An Assessment Tool in Elt: Critical Review of The Literature. *ETDC: Indonesian Journal of Research and Educational Review*, 1(1), 58–66.
- Ali, A., Nor Puteh, S., & Mahamod, Z. (2018). Isu dan Kekangan Melaksanakan Pendekatan Belajar Melalui Bermain Dalam Pengajaran Bahasa Bagi Kanak-Kanak Prasekolah. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Serantau Ke-6, Fakulti Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Universitas Riau*.
- Arshad, K. A. M., & Koh, D. (2022). Tabiat Pemakanan Sihat dalam Kelas Pendidikan Kesihatan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001390–e001390.
- Branch, R. M. (2009). *Instructional Design: The ADDIE Approach (Vol. 722)*. Springer.
- Contento, I., Balch, G. I., Bronner, Y. L., Lytle, L. A., Maloney, S. K., Olson, C. M., & Swadener, S. S. (1995). The Effectiveness of Nutrition Education and Implications for Nutrition Education Policy, Programs, And Research: A Review of Research. *Journal Of Nutrition Education (USA)*.
- Eloolu, S., & Ongeng, D. (2020). Community-Based Nutrition-Sensitive Approach to Address Short-Term Hunger and Undernutrition Among Primary School Children in Rural Areas in A Developing Country Setting: Lessons from North and North-Eastern Uganda. *BMC Nutrition*, 6(1), 1–10.
- Fernandes, A. A. R. (2017). *Metode Statistika Multivariat Pemodelan Persamaan Struktural (SEM) Pendekatan Warppls*. Universitas Brawijaya Press.
- Southeast Asia Nutrition Surveys II. (2020). *Southeast Asia Nutrition Surveys (SEANUTS II)*. <https://www.frieslandcampina.com/uploads/2023/01/FrieslandCampina-Annual-Report-2020.pdf>
- Ghani, R. B. A., & Nor, M. M. (2020). Faktor Yang Mempengaruhi Peranan Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) Di Malaysia. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(4), 35–49.
- Hayes, D., Contento, I. R., & Weekly, C. (2018). Position of the Academy of Nutrition and Dietetics, Society for Nutrition Education and Behavior, and School Nutrition Association: comprehensive nutrition programs and services in schools. *Journal of Nutrition Education and Behavior*, 50(5), 433–439.
- Isanaka, S., Barnhart, D. A., McDonald, C. M., Ackatia-Armah, R. S., Kupka, R., Doumbia, S., Brown, K. H., & Menzies, N. A. (2019). Cost-Effectiveness of Community-Based Screening and Treatment of Moderate Acute Malnutrition in Mali. *BMJ Global Health*, 4(2), e001227.
- Katoch, O. R. (2022). Determinants of Malnutrition Among Children: A Systematic Review. *Nutrition*, 96, 111565.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2016). *Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM) III 2016-2025*. <https://hq.moh.gov.my/nutrition/pelan-tindakan-pemakanan-kebangsaan-malaysia-npanm/>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2022). *Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2022: Kesihatan Ibu dan Anak (MCH)*. In Kuala Lumpur: Institut Kesihatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia. [https://iku.gov.my/images/nhms-2022/4b.-infografik-nhms-mch\\_malay\\_19.05.2023.pdf?t=1684481335](https://iku.gov.my/images/nhms-2022/4b.-infografik-nhms-mch_malay_19.05.2023.pdf?t=1684481335)
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). *Laporan Tahunan Bahagian Pemakanan*. <https://hq.moh.gov.my/nutrition/wp-content/uploads/2023/01/Laporan-Tahunan-Bahagian-Pemakanan-2021-271222.pdf>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Piramid Makanan Malaysia 2020 – Mendidik Rakyat Mengambil Makanan Dengan Betul*. <http://nutrition.moh.gov.my/piramid-makanan-malaysia-2020-mendidik-rakyat-mengambil-makanan-dengan-betul/>
- Konting, Mohd. M. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood, A. S., Zain, A., & Mat Yusoff, A. S. (2022). Modul Pendidikan Pemakanan Dalam Membantu Masalah Bantut Kanak-Kanak Prasekolah: Fokus Elemen Pengetahuan & Kefahaman. In *Collaboration*, 2, 150.
- Mahmudiono, T., Rachmah, Q., Pangestuti, D. R., Indriasari, R., Puspikawati, S. I., Hidayah, S., Wulandari, F., Srifitayani, N. R., Mansur, M. A., & Lisnawati, N. (2022). The Effectiveness of Online Training to Improve Knowledge, Attitudes, And Self-Efficacy of Nutrition Educators for Schoolchildren. *Journal of Southwest Jiaotong University*, 57(1).
- Malaysia, K. P. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Mkhize, M., & Sibanda, M. (2020). A Review of Selected Studies on The Factors Associated with The Nutrition Status of Children Under the Age of Five Years in South Africa. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(21), 7973.
- Nordin, N. A., & Wahab, N. A. (2021). Kertas Konsep Pembangunan Modul Sekolah Rimba Berasaskan Pengetahuan Peribumi Bagi Mengekalkan Kelestarian Masyarakat Orang Asli. *Asian Pendidikan*, 1(1), 10–21.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric Theory*, 2nd Edition. New York: McGraw-Hill.
- Ormanci, N., Tasneem, S., & Caliskan, T. B. (2022). Nutrition Related Knowledge and Attitudes of Mothers and Teachers of Kindergarten Children. *International Journal of Public Health*, 11(2), 537–544.
- UNICEF, WHO, & World Bank Group. (2023). Levels and Trends in Child Malnutrition. <https://data.unicef.org/wp-content/uploads/2023/05/JME-2023-Levels-and-trends-in-child-malnutrition.pdf>
- Wilson, A., Magarey, A., & Mastersson, N. (2013). Reliability of Questionnaires to Assess the Healthy Eating and Activity Environment of a Child's Home and School. *Journal of Obesity*, 2013.
- World Health Organization. (2021). Malnutrition. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/malnutrition>
- Yee, A. Z. H., Lwin, M. O., & Ho, S. S. (2019). The Influence of Parental Practices on Child Promotive and Preventive Food Consumption Behaviors: A Systematic Review and Meta-Analysis. *International Journal of Behavioral Nutrition and Physical Activity*, 14(1), 1–14.